

15 AUG 2000

MBM-Palestin

MAJLIS BELIA MALAYSIA SOKONG PENUBUHAN NEGARA PALESTIN

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini menyatakan sokongan kepada penubuhan negara Palestin pada 13 Sept seperti yang dihasratkan Presiden Yasser Arafat.

Presiden MBM Saifuddin Abdullah berkata MBM telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memaklumkan simpati kepada rakyat Palestin yang belum dapat menyelesaikan konflik dan penindasan lebih 50 tahun.

Beliau berkata MBM yakin Perdana Menteri akan menggunakan kebijaksanaan dan kepimpinannya di kalangan pemimpin dunia bagi membantu menubuhkan negara Palestin dan memberikan sokongan ke atas apa saja pendirian kerajaan mengenai isu ini.

"Sokongan ini dibuat kerana MBM berpendapat perundingan yang dianjurkan Amerika Syarikat telah berlangsung terlalu lama dan rakyat Palestin tidak mampu untuk menunggu lebih lama," kata Saifuddin.

Pada masa yang sama, MBM berharap rundingan damai Palestin-Israel yang tergugat dapat disambung semula dan kemerdekaan Palestin pada 13 Sept ini dapat diisytiharkan dengan cara sebaik-baiknya.

"MBM berharap dapat menyerahkan surat sokongan kepada Presiden Yasser Arafat dan kami telah menghubungi Ahmad Al Fara (Duta Palestin ke Malaysia) mengenai hasrat kami," kata Saifuddin.

Pada sidang media itu juga, beliau berkata MBM dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Pekerja Muda Malaysia bagi menyediakan pekerja dan meningkatkan kualiti latihan vokasional pekerja muda di negara ini.

"MBM telah menyediakan memorandum baru, kita telah membentangkannya dalam dialog belanjawan dan MTUC telah melahirkan hasrat yang sama," katanya.

MBM turut berharap program Rakan Muda Kementerian Belia dan Sukan yang kini dijalankan di kilang-kilang dapat membabitkan kesatuan sekerja selain majikan.

Selain itu, MBM turut mencadangkan Anugerah Belia Negara diperluaskan kepada kategori baru seperti Anugerah Pekerja Muda memandangkan pengertian belia adalah luas.

-- BERNAMA

AT AHH FAZ